

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN**

**TARIKH : 8.3.2016**

**SOALAN : NO. 24**

**Y.B. Dato' Mansor bin Othman [ Nibong Tebal ] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dan pihak pentadbiran universiti-universiti bagi menangani permasalahan mahasiswa yang terpaksa berdepan dengan peningkatan kos yuran pengajian mereka dan juga dalam masa yang sama berdepan dengan keputusan dasar Kerajaan mengurangkan pembiayaan pinjaman PTPTN.**

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mengeluarkan arahan kepada pihak pentadbiran universiti awam termasuk Pejabat Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar & Alumni (TNC HEPA) untuk mengenal pasti setiap pelajar yang menghadapi masalah kewangan dan melaporkan segera kepada KPT.

Selain itu, KPT turut mengenal pasti pelbagai bantuan kewangan yang disediakan bagi membantu para pelajar. Antaranya adalah seperti kad siswa, Baucar Buku 1Malaysia, zakat, tabung kebajikan, pinjaman tabung universiti dan sebagainya. Sebagai contoh pada tahun 2015 sehingga Januari 2016, seramai 31,776 orang mahasiswa telah menerima bantuan kebajikan termasuk bantuan kewangan untuk pelajar

miskin, khairat dan lain-lain seperti pembayaran yuran pengajian, yuran hospital dan perubatan, serta bantuan kewangan.

Pihak universiti juga mempunyai data pelajar yang berkeperluan dan golongan miskin bagi agihan bantuan. Walau bagaimanapun, pelajar yang memerlukan bantuan perlu tampil ke Pejabat TNC HEPA universiti masing-masing sekiranya bantuan tidak sampai kepada mereka. Antara bantuan yang disediakan di universiti adalah seperti:

- (a) penyediakan makanan percuma bagi pelajar susah;
- (b) pelaksanaan Program Bantuan Sara Hidup;
- (c) penubuhan Tabung Wang Ehsan;
- (d) penyediaan Insurans Berkelompok Pelajar Tempatan; dan
- (e) peluang bekerja di premis-premis IPT.

Sebagaimana yang dimaklumkan dalam sidang media oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi pada 26 Oktober 2015 dan penggulungan Bajet Peringkat Dasar pada 4 November 2015, KPT memberi jaminan bahawa yuran pengajian pra siswazah di universiti awam tidak akan dinaikkan.

Selaras dengan itu, universiti awam kini giat meningkatkan produktiviti, efisiensi dan penjanaan dana dengan memaksimumkan penggunaan segala aset dan kepakaran universiti untuk menjana pendapatan dalaman dengan sasaran KPT sehingga 25 peratus menjelang tahun 2025.